

MODUL
BAHASA MELAYU
SJK
TAHUN 5
UNIT 22 BERMANFAATNYA
SAINS

NAMA : _____

KELAS : _____

UNIT 22 BERMANFAATNYA SAINS

Sains Memudahkan Kita

(Bina ayat berkenaan dengan kegunaan sains)

Kakak Gina menerangkan konsep mesin ringkas seperti gandar, roda, takal dan tuas yang digunakan dalam aktiviti harian.

Mari kita lihat tombol pintu ini.

- membuka pintu
- ada gandar dan roda
- mudah dibuka

Sekarang, adik lihat pula takal ini.

- menaikkan bidai
- menurunkan bidai
- mudah dan ringan

Seterusnya, lihatlah cara ayah mencabut paku dengan mudahnya.

guna tuas

- daya
- beban
- fulkrum

Wah, banyak kegunaan sains kepada kita!

1. Roda dan gandar

2. Takal

3. Tuas

Pentingnya Tenaga

Cuaca pada hari itu sangat panas. Lidim menjemur kasut sekolahnya yang baru dicuci di bawah cahaya matahari. Dia berharap agar matahari bersinar dengan teriknya supaya kasutnya cepat kering.

Maklumat tersurat	Maklumat tersirat	Respons


Lampu isyarat di simpang jalan tidak berfungsi. Lampu jalan juga tidak bernyala. Masalah itu berlaku kerana bekalan elektrik terputus. Keadaan di jalan raya itu menjadi tidak terkawal.

Tidak lama kemudian, bekalan elektrik kembali pulih. Lampu isyarat dan lampu jalan dapat berfungsi seperti biasa. Pemandu kenderaan dapat memandu kenderaan mereka dengan selamatnya dan terkawal.

Maklumat tersurat	Maklumat tersirat	Respons

Program Pintar Sains

Menulis karangan



Laporan Program Pintar Sains

Program Pintar Sains dibuat di SJKC Taman Sejahtera pada 20 Oktober 2021.

Program ini dilakukan oleh Persatuan Sains dan Matematik SJKC Taman Sejahtera dengan kerjasama mahasiswa.

Semasa program ini, ada banyak aktiviti dijalankan. _____

Karya Sains
(menulis Kembali tulisan jawi)

ديوان بهاس دان قوستاک

Graviti di bumi

Cari makna perkataan di bawah

terapung	angkasawan	layari	menunjukkan	Tarikan
berjalan	terapung	berselerak	kehidupan	

Murid-murid sedang mempelajari topik graviti. Cikgu Shanti memberikan penjelasan tentang topik tersebut.

Menurut Cikgu Shanti, graviti ialah daya yang menarik objek ke arah pusat bumi. Daya tarikan graviti bumi menyebabkan setiap objek berada pada kedudukannya. Oleh sebab itu, objek tidak akan terapung-apung di udara.

Cikgu Shanti memainkan klip video menerusi tablet pintarnya. Tablet itu diletakkan pada telapak tangannya.

"Sila _____ laman sesawang ini. Kamu akan dapat memahami kepentingan graviti kepada kita," kata Cikgu Shanti.

Klip video dalam laman sesawang itu memaparkan kehidupan _____ di stesen angkasa lepas. Angkasawan di stesen itu kerana tiada graviti. Video itu jelas _____ perbandingan antara kehidupan di stesen angkasa lepas dengan di bumi.

Bumi mempunyai graviti. _____ graviti akan menyebabkan setiap objek berada pada kedudukannya. Manusia dan haiwan dapat _____ di atas permukaan bumi dan tidak _____. Daun-daun akan gugur lalu _____ di atas tanah. Dengan adanya graviti, manusia dapat menjalani _____ di bumi dengan mudahnya.